

**TAMADDUN  
TINGKATAN 4**

**1. KHULAFĀ'**

**KHULAFĀ' AR-RASYIDIN**

**i- Pengertian Khalifah:**

- ialah orang yang memegang jawatan ketua negara Islam.
- **Khulafā' ar-Rasyidin** ialah gelaran kepada empat orang sahabat yang memegang jawatan dalam negara Islam selepas kewafatan Rasulullah.

**ii. Kesan Membelakangi Kepimpinan Khulafā' Ar-Rasyidin:**

- Negara Islam selepas Khulafā' al-Rasyidin dipimpin oleh khalifah secara warisan.
- Keadaan kacau bilau dengan pembunuhan Khalifah Uthman Affan dan Ali b Abi Talib menyebabkan negara Islam terdedah dengan fitnah dan perperangan sesama sendiri.
- Orang munafik mendapat peluang memecah belahkan umat Islam.
- Timbul perpecahan aliran pemikiran seperti Ahli Sunnah dan Syiah yang memberi kesan hingga hari ini.

**iii. Pembaharuan Dalam Khulafā' Ar-Rasyidin:**

- Menubuhkan majlis syura.
- Mewujudkan jawatan baru iaitu gabenor dalam pentadbiran wilayah.
- Penubuhan jabatan ad-dewan.

**1. SAIDINA UMAR R.A.**

**i. Latarbelakang**

- Nama : Umar bin Al-Khatib bin Naufal.
- Keturunan : Bani Adi.
- Dilahirkan : 13 tahun selepas kelahiran Rasulullah.
- Gelaran : Al- Faruq bermaksud orang yang dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan.
- Pemerintahan : 10 tahun dan 6 bulan.
- **Wafat : 23 Hijrah, berusia 63 tahun.**

**ii. Sifat peribadi**

- **Berani** dan tegas dalam menegakkan Islam.
- **Berterus terang** dalam menyatakan buah fikiran dan pandangan.
- Sangat **mengambil berat** hal ehwal rakyat di bawahnya.

**iii. Sumbangan**

- Mengisytiharkan kalender mengikut tahun hijrah.
- **Menyusun** pentadbiran majlis syura.
- **Menyusun** undang-undang tanah negara.
- Menubuhkan dewan al-jundi dan dewan al-kharaj bagi melicinkan pentadbiran.
- Menubuhkan pasukan polis dan **tentera laut**.

**iv. Cara Perlantikan Umar R.A. Sebagai Khalifah**

- **Dicadangkan** oleh Saidina Abu bakar sebagai khalifah kedua.
- **Dipersetujui** oleh semua sahabat.
- **Ditulis** oleh Saidina Uthnam dab diumumkan kepada masyarakat.

**vi. Polisi pemerintahan Saidina Umar r.a.**

- Pembaharuan dalam sistem tanah.
- Tidak membenarkan sahabat meninggalkan Madinah kecuali dengan izin khalifah.

**2. SAIDINA ALI**

**i. Cara Perlantikan :**

- Puak pemberonta meminta Saidina Ali menjadi khalifah selepas pembunuhan Saidina Uthman dan dipersetujui oleh Saidina Ali.
- Orang ramai datang memberi bai'ah kecuali beberapa puak di kalangan keluarga Umayyah termasuk Muawiyah bin Abi Sufian.

**ii. Polisi Pemerintahan:**

- Menukar pegawai yang berketurunan Umayyah, yg dilantik di zaman Khalifah Uthman Affan dgn pegawai yg baru termasuk Muawiyah b Abi Suffian, gabenor Syam.
- Meneruskan Majlis Tahkim walaupun mendapat tentangan daripada golongan khawarij.

**iii. Jasa Dan Sumbangan:**

- Menerima jawatan khalifah ketika negara berada dalam keadaan yang tidak tentera.

**3. SAIDINA OTHMAN**

**i. Cara perlantikan :**

- Majlis Syura dimana Abdul Rahman bin Auf mengishtiharkan Uthman bin Affan sebagai khalifah menggantikan Umar bin Al-Khattab dengan dipersetujui oleh sebahagian besar para sahabat dan orangramai.

**ii. Polisi Pemerintahan:**

- memberi peluang terbuka kepada sesiapa yang ingin berjihad demi penyebaran agama dan memperluaskan pengaruh Islam.
- Sahabat tidak dilarang meninggalkan kota Madinah.
- Melonggarkan syarat penggunaan harta Baitul Mal.
- Menetapkan al-Quran dibaca hanya menggunakan lajhah Quraisy.
- Ramai gabenor yang dilantik terdiri daripada kalangan Bani Umayyah tetapi masih mengambil kira kepada kelayakan dan kepimpinan mereka.

**iii. Jasa Dan Sumbangan:**

- Menyumbang harta dan kekayaan untuk pertahanan negara.
- Mengumpul dan membukukan al-Quran dalam satu naskhah.
- Membesarkan angkatan tentera darat dan laut yang memberi kesan kepada peluasan kuasa dan wilayah.

## 2. KERAJAAN BANI UMAIYAH

### i. Perbezaan Ketenteraan Khulafa' Ar-Rasyidin Dengan Kerajaan Bani Umaiyyah.

<b>Khulafa'</b>	<b>Khulafa'</b>	<b>Bani Umaiyyah</b>
<b>1. Pemilihan tentera</b>	• Secara sukarela	• Suka rela pada peringkat awal kemudian menjadi kerahan tenaga
<b>2. Perlantikan Panglima Perang</b>	• Sesiapa sahaja yang mampu	• Keutamaan kepada orang arab
<b>3. Latihan Ketenteraan</b>	• Secara umum	• Secara khusus iaitu musim panas dan sejuk

### ii. Tujuan Tingkatkan Kekuatan Ketenteraan Zaman Umaiyyah

- Untuk menyebarkan dakwah.
- Mempertahankan negara dari segala ancaman.
- Perluasan kuasa dan wilayah.

### iii. Perkembangan Pendidikan Zaman Bani Umaiyyah

- Khalifah mengambil berat terhadap ilmu pengetahuan.
- Pembinaan kemudahan tempat belajar .
- Para ulamak daripada luar negeri dijemput masuk untuk menyebarkan ilmu.
- Pembinaan perpustakaan.
- Galakan penterjemahan, penyelidikan, kajian dan penulisan.

## 3. TOKOH

### 1. IMAM AHMAD BIN HAMBAL

#### i. Riwayat hidup

- Nama sebenar: Ahmad bin Muhammad bin Hambal.
- Lahir: di Baghdad, Iraq, 164H/780M.
- Kehidupan : Seorang miskin sehingga terpaksa mengambil upah menjual kain.
- Meninggal : 231 H (855M) di Baghdad ketika berusia 77 tahun.

#### ii. Sifat Peribadi

- Sangat mementingkan pendapatan halal.
- Tidak kan menerima hadiah atau pemberian tanpa membuat kerja.
- Sangat mementing kebersihan dan kekemasan.
- Warna putih adalah warna kesukaan.
- Suka bergaul dengan dengan fakir miskin dan selalu memberi bantuan kepada mereka.
- Sangat suka melakukan ibadat (melaksanakan solat 300 rakaat sehari dan membaca 1/7 al-Quran setiap hari).

**iii. Pendidikan Imam Ahmad Hanbali**

- Mempelajari al-Quran dan bahasa Arab sejak kecil lagi.
- Mengembara ke beberapa buah negara iaitu Kufah, Basrah, Syam dan Yeman untuk menambahkan ilmu.
- Menuntut ilmu daripada Imam As-Syafie, Sufian bin Ayinah dan Yahya bin Said al-Qatan.
- Cenderung ilmu kepada ilmu hadith daripada ilmu fekah.

**iv. Sumbangan Karya**

- Al-Musnad.
- At-Tarikh.
- Tafsir Al-Quran.
- An-Nasikh wal-Mansukh.

**v. Keistimewaan Karya / Kitab Imam Ahmad Hanbal**

- Kitabnya mempunyai berbagai cabang ilmu.
- Terdiri himpunan hadis sahih dan tidak sahih.
- Menjadi sumber rujukan ulama hadith.

**vi. Ujian dan Cabaran Yang Dilalui**

- Dipukul dan dipenjara kerana mempertahankan al-Quran adalah Kalamullah adalah bersifat qadim.

**2. IMAM GHAZALI****i. Riwayat**

- Nama : Abu Hamad Muhammad bin Muhammad bin Ahmad Al-Ghazali At-Tusi
- Lahir: 450H dan meninggal 505H di Tusi Iran.
- Gelaran : Al-Ghazali bersempena nama tempat kelahiran.
- Kehidupan : bapanya seorang miskin. ( bekerja sebagai pemintal bulu kambing ), sangat menyukai agama.
- Pemikirannya : memberi sumbangan kepada pembangunan mental.

**ii. Sifat Peribadi**

- Seorang yang bijaksana dan kuat ingatan.
- Tekun belajar dan petah berhujjah sehingga digelar hujjatul-Islam.
- Kuat beribadah, warak dan zuhud.

**iii. Pendidikan**

- Mula belajar menulis dan menghafal Al-Quran ketika masih kecil.
- Belajar di sekolah yang didirikan oleh perdana menteri.
- Melanjutkan pelajaran dari Tus ke Jarjan seterusnya ke Naisabur.
- Menguasai pelbagai bidang ilmu seperti ilmu fekah, ilmu kalam, ilmu tasawwuf dan ilmu falsafah.

**iv. Keistimewaan**

- Ahli fikir Islam.
- Seorang ahli falsafah Islam mendapat gelaran failasof.
- Sangat petah berhujjah sehingga digelar Hujjatul Islam.

- Menghafal Al-Quran ketika usia muda.
- Menguasai pelbagai bahasa, seperti bahasa Parsi dan Arab.

**v. Sumbangan**

- Penasihat agong perdana menteri.
- Tenaga pengajar kanan di (Uni.)Jamiah Baghdad.
- Pelopor kepada golongan sufi.

**vi. Hasil karya /kitab al-Ghazali.**

- Ihya' Ulumuddin.
- Al-Wajiz.

**vii. Kesan pemikiran**

- Hasil karya beliau menjadi rujukan.
- Karyanya diterjemahkan dalam pelbagai bahasa.

**3. IMAM MALIK**

**i. Riwayat Hidup**

- Nama : Malik bin Anas.
- Tempat lahir : Madinah.
- Tarikh Lahir : 93H /713M.
- Tarikh Meninggal : 179H/798M (berusia 86 tahun).
- Tempat pengkbumian : Baqie' Madinah.

**ii. Sifat peribadinya :**

- Menghormati ibubapa, berpandangan luas, Teguh pendirian, cerdas dan kuat ingatan.
- Berbudi bahasa, lemah lembut, suka menziarahi orang yang sakit dan mengiringi jenazah.
- Tawaduk.

**iii. Pendidikan**

- Mendampingi ulama' sejak kecil. Menghafa al-quran/al-hadith sejak kecil.
- Tekun mencari ilmu.
- Berguru dengan lebih kurang 900 orang guru terdiri daripada tabie' dan tabi'at tabie'in.
- Guru pertamanya Imam Abdul Rahman bin Hamzah.

**iv. Imam Malik Sebagai Guru**

- Mula mengajar sejak berusia 17 tahun.
- Ketinggian ilmunya telah menarik perhatian guru untuk menghadiri majlis ilmunya.
- Majlis ilmunya dihadiri oleh penduduk Madinah dan negeri-negeri yang jauh.
- Muncul Mazhab Maliki dan berkembang luas keseluruh dunia terutamanya Hijaz, Maghribi, Andalus.
- Majlis pengajarannya dibuat di Masjid anNabawi. Di Madinah.

**v. Penghormatan Imam Malik kepada Hadith**

- Sangat menghormati hadis Rasulullah bila ditanya tentang hadis, beliau akan mandi,

- Memakai pakaian yang bersih, memakai bau-bauan dan memakai serban.
- Tetap berpegang teguh dengan hadis, menyatakan bahawa hadis adalah petunjuk dan penyuluhan kepada seluruh umat Islam.

#### **vi. Sumbangan**

- Kitabnya yang masyhur “al-Muwatta” yang melahirkan aliran pemikiran Mazhab Maliki
- “Al-Muwatta” menjadi sumber rujukan utama selepas al-Quran dan al-Hadis.

#### **vii. Ketegasan Imam Malik**

- Menentang pendapat gabenor Madinah yang bertentangan dengan pendapatnya.
- Sanggup dipukul kerana mempertahankan Islam.
- Berani menegur Khalifah Abu Ja'afar al-Mansur yang meninggikan suara ketika bermuzakarah di dalam majlis ilmu.
- Berpegang dengan prinsip ‘murid mencari guru.

### **4. IMAM SHAFIE**

#### **i. Biodata/ Latar Belakang**

- Nama : Muhammad bin Idris bin al-Abbas bin Othman bin Syafiee bin Al-Saib.
- Gelaran : As-Syafie sempena nama datuknya Syafie bin al-Saib.
- Tempat Lahir : Di Gazza, Palestin
- Tarikh Lahir : 150H/769M
- Asal Usul Keturunannya : Kedua ibubapanya berasal dari Mekah al-Mukarramah, Ibunya bernama Fatimah binti Abdullah bin Hassan bin Ali bin Abi Talib.
- Meninggal : Pada 29 Rejab 204 H /820M di Mesir

#### **ii. Sifat Peribadinya :**

- Kuat ingatan dapat menghafal al-Quran ketika berusia 9 tahun.
- Dapat menghafaz semua pelajaran yang diajar.
- Rajin, mempunyai peribadi yang sangat tinggi.
- Berkebolehan tinggi , apabila gurunya tidak dapat mengajar kerana sesuatu urusan.
- Beliau telah diamanahkan untuk mengambil tempat gurunya mengajar.
- Sangat gigih menuntut ilmu, sanggup mengembara berjalan kaki.
- Sentiasa berada disamping gurunya mengajar dan memberi syaranan.

#### **iii. Pendidikan:**

- Mula belajar al-Quran pada usia 5 tahun.
- Mendalami ilmu hadis dan selok belok bahasa Arab daripada pelbagai puak dan kabilah.
- Menguasai semua lajnah baha dan kebudayaan Arab.
- Mahir dalam bidang penulisan dan mampu mengubah syair, sajak yang amat indah.
- Menghafaz al-Muwatta' semasa umurnya 10 tahun.
- Mengajar Hadis yang terdapat dalam al-Muwatta'.

#### **iv. Kata-kata Hikmah Imam as-Syafie**

- Setiap kali bertambah ilmuku, bertambahlah kejahilanku.
- Perut yang kenyang, akan menambahkan berat badan, membekukan hati, menumpulkan fikiran.

**v. Nama-nama Guru Imam as-Syafie**

- Ilmu Hadith : Suffian bin Umaiyah  
Muslim bin Khalid
- Ilmu Quran : Ismail bin Qustantin

**TAMADDUN  
TINGKATAN 5**

**1. Faktor penyebaran Islam pada Zaman Abbassiah**

**i. Faktor Dalaman**

- Keinginan daripada penduduk setempat yang tertarik dengan Islam serta akhlak umatnya.
- Galakan khalifah yang menyediakan peruntukan khas dari Baitulmal untuk para pendakwah.
- Dasar Kerajaan yang menyamakan kedudukan bangsa Arab dan bukan Arab.
- Kedudukan Kota Baghdad yang menjadi tumpuan dalam bidang keilmuan dan perdagangan antarabangsa.

**ii. Faktor Luaran**

- Pembukaan wilayah-wilayah baru
- Penggunaan Bahasa Arab secara meluas yang mendorong kepada pemahaman al-quran dan hadis
- Hubungan diplomatik antara kerajaan Abbasiyah dengan Negara luar.
- Usaha para pedagang Islam berdakwah menerusi perdagangan mereka.

**iii. Bidang-bidang Ilmu**

**1. Ilmu Berteraskan Wahyu.**

a) Ilmu Tafsir

Tokoh :

- i Yahya bin Ziyad al-Farra'. 207H kitabnya Maani al-Quran.
- ii Ibnu Jarir at-Tabari 310H kitabnya Tafsir atTabari.

b) Ilmu Hadis

Tokoh :

- i Bukhari 256 H Kitabnya Sahih Bukhari
- ii Muslim 261H Kitabnya Sahih Muslim
- iii Abu Daud 275H Sunan Abu Daud
- iv Tarmizi 279H Kutubu as-Sittah
- v Nasaei 303H Kutubu as-Sittah
- vi Ibnu Majah 273H Kutubu as-Sittah

c) Ilmu Fekah

**Tokoh :**

- i Imam Abu Hanifah 150H
- ii Imam Malik 179H
- iii Imam Syafiee 204H
- iv Imam Ahmad Hanbal 241H
- v al-Qadhi Abu Yusuf 182H
- vi Sahnun 240H
- vii al-Mawardi 450H
- viii Ibnu Qudamah 620H

d) Ilmu Tauhid

**Tokoh :**

- i Imam Abu Hassan al-As'ari 324H
- ii Imam al-Ghazali 505H

## 2. Ilmu Berteraskan Aqal

a) Ilmu Matematik

Formula: Trigonometri, Algebra, Geometri, Logarithma, pengenalan kepada sistem angka dalam abjad, pengenalan bilangan sifar (0) dalam sistem angka.

Tokoh : Muhammad bin Musa al-Khawarizmi (236H), dengan karyanya yang agung bertajuk “Hisabul Jabri wal-Muqabalah” (Integration and Equations)

b) Ilmu Falak

Penemuan Baru:

- i Mengukur jarak antara bumi dan matahari.
- ii Membuat jadual pergerakan bulan dan bintang.
- iii Menjelaskan sistem geologi bumi serta pengaruh bulan dan matahari terhadap pertukaran musim.
- iv Mencipta alat pengukur sudut (astrolabe)

Tokoh :

al-Batani (317H).

c) Ilmu Kimia

- i Penemuan asid galian seperti asid nitric, asid sulfuric, dan asid hidroklorik.
- ii Teori penghasilan alcohol.
- iii Membaiki proses pembuatan kaca.

Tokoh : Jabir bin Hayyan (198H)

d) Ilmu Fizik

Bentuk-bentuk pencapaian

- i Mencipta teori pergerakan jirim, daya gravity dan pantulan cahaya.
- ii Menjelaskan tentang lapisan mata serta proses penglihatan.
- iii Menyukat kelajuan bumi dan cahaya.
- iv Mencipta cermin mata.

Tokoh:

Al-Hassan bin Haitam (430H)

Menghasilkan lebih 200 karya seperti Kitabul Manazir, Maqalatun Fi Dhau'l dan Maqalatun Fi at-Tahlil wa at-Tarkib

e) Geografi

Penemuan

- i Memberi ujaran yang tepat tentang keluasan permukaan bumi.
- ii Menghasilkan peta dunia pertama dalam bentuk glob.

Tokoh:

As-Syarif al-Idrisi (461H) menghasilkan ensiklopedia peta Eropah

f) Ilmu Perubatan

Pencapaian

- i menjelaskan kesan kuman dalam penyakit.
- ii menjelaskan teori jangkitan virus seperti Tibi.
- iii Menemui pelbagai penyakit seperti Rubella.
- iv Alahan, Cacar, dan penyakit jiwa.
- v Mencipta ubat-ubatan untuk berbagai-bagai penyakit kronik.
- vi Mencipta picagari, ubat bius, dan benang yang khusus untuk menjahit luka pembedahan.

Tokoh:

Ibnu Sinna (428H) Qanun fi al-Tibb

## 2. Perkembangan Sains dan Teknologi pada zaman Abbasiah

### i. Faktor Yang Mendorong Kemajuan Sains Dan Teknologi

- Aktiviti penterjemahan
- Galakan khalifah seperti :
  - i. mengadakan seminar perubatan yang dihadiri oleh pakar-pakar perubatan seluruh dunia setiap musim haji
  - ii. menyediakan peruntukan wang yang banyak dalam bidang penyelidikan sains dan teknologi membina pusat penyelidikan sains seperti balai cerap dan makmal pembedahan
- Globalisasi ilmu

### ii. Kesan Kemajuan Sains Teknologi.

- Penguasaan umat Islam dalam sains dan teknologi

- Andalus & Sicily menjadi tumpuan pencipta ilmu terutama dari Eropah
- Umat Islam berjaya menguasai ilmu sains dan teknologi daripada tangan orang Rome, Parsi dan Yunani.
- Mengubah cara hidup dan status umat Islam
- Dipandang tinggi oleh umat lain.

### **3. TOKOH**

#### **1. HAMKA**

##### **i. Biodata**

- Nama : Abdul Malik Bin Sheik Abdul Karim Bin Sheikh Muhammad Amrullah.
- Lahir : 13 Muharram 1362 Hijrah versamaan 16 Februari 1980 M.
- Tempat Lahir : Sumatera Barat, Indonesia.
- Bapanya : Sheik Abdul Karim seorang ulama terkenal yang membawa perubahan di Minangkabau.
- Usia : 73 tahun.
- Meninggal : 24 Julai 1981M
- Jawatan :
  1. Pernah menjadi guru agama di Perkebunan Tebing Tinggi, Medan dan Padang Panjang.
  2. Pensyarah di Universiti Islam Jakarta dan Universiti Muhammadiyah Padang Panjang.
  3. Rektor Perguruan Tinggi Jakarta.
  4. Pegawai Tinggi Agama Indonesia.
  5. Ketua Umum Majlis Ulama Indonesia.

##### **ii. Anugerah**

- Anugerah Doktor Kehormat oleh Universiti al-Azhar Mesir tahun 1959M.
- Anugerah Guru Besar (Pofesor) oleh Universti Moestopo, Jakarta pada tahun 1960M.
- Anugerah Doktor Kehormat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1974M.

##### **iii. Keperibadian:**

- Petah berpidato dimana beliau pernah diberi penghormatan untuk berpidato dalam satu rancangan radio Arab Saudi.
- Barjiwa seni dimana rangkap-rangkap pantun, syair dijadikan selingan dalam kebudayaan penulisan beliau.
- Berani mengatur siri pidato untuk membangkitkan semangat umat islam menentang penjajah Belanda.

##### **iv. Pendidikan**

- Mempelajari al-Quran dan asas agama daripada bapanya.
- Pendidikan rendah di sekolah Desa Padang Panjang di sekolah Agama at-Tawalib yang didirikan oleh bapanya.
- Mengikuti pengajian di masjid-masjid dan surau.
- Guru-gurunya: Sheikh Ibrahim Musa, Sheikh Ahmad Rasyid.
- Masa lapang dihabiskan di perpustakaan.

**v. Kegigihan Hamka mengembangkan dakwah Islamiah di Nusantara.**

- Sejak 17 tahun melibatkan diri dalam kegiatan dakwah dengan menerbitkan majalah "Hatibul Ummah".
- Mengasaskan Persatuan Hindia Timur untuk mengajar haji kepada jemaah Indonesia pada tahun 1927.
- Mengasaskan kuliah 'al-Mubaligh' pada tahun 1935M.
- Menerbitkan majalah 'Pedoman Masyarakat' pada tahun 1936M.
- Mengasaskan beberapa majalah seperti Menara, Merdeka, Perundangan Panji Masyarakat dan Gema Islam.
- Tahun 1953 dilantik sebagai anggota pimpinan pusat Muhamadiyah.

**vi. Sumbangan**

- Penerus idea Islah yang dibawa oleh Syed Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh.
- Karya-karya beliau terutama Tafsir al-Azhar meninggalkan kesan mendalam dalam bidang ilmu dan pemikiran di alam Melayu.

**vii. Hasil Karya Hamka**

- Dalam Bidang Agama
  - Tafsir al-Azhar.
  - Tasawuf Moden.
  - Pedoman Membanding Islam.
  - Arkanul Islam.
  - Sejarah Umat Islam.
  - Revolusi Agama
- Dalam bidang Falsafah
  - Falsafah Hidup
  - Lembaga Hidup
  - Falsafah Ideologi Islam
  - Expensi Ideologi
  - Pandangan Hidup Muslim
- Dalam bidang Sastera
  - Tengelamnya kapal Van Der Wijck
  - Di bawah Lindungan Kaabah
  - Laila Majnun
  - Mandi Cahaya Tanah Suci
  - Menunggu Beduk Berbunyi.

**viii. Perjuangan Hamka**

- Mengetuai Front Pertahanan Nasional untuk menyekat kemaraan Belanda di Indonesia.
- Melancarkan penentangan terhadap khurafat, bidaah, dan tarekat kebatinan yang sesat/ mendirikan pusat latihan dakwah Muhammadiyah.
- Menyampaikan ajaran Islam tanpa rasa takut dan gentar.

- Lantang mengkritik pentadbiran kerajaan Indonesia yang menyebabkan beliau dipecat daripada jawatan Ketua Umum Majlis Ulama' Indonesia. (MUI).
- Beliau pernah dipenjara bersama tokoh-tokoh Majlis Syura Muslim Indonesia.

## **2. SHEIKH TAHIR JAMALUDDIN**

### **i. Riwayat Hidup**

- Nama : Mohammad Tahir bin Syeikh Mohammad bin Ahmad Jalaluddin
- Lahir : 7 Nov 1869 di Sumatera Barat, Indonesia.
- Gelaran: al-Falaki kerana mahir dalam bidang ilmu falak.
- Bapanya : Seorang hakim dan ulama terkenal terkenal
- Pendidikan : Menuntut pengajian di Mekah tahun 1990 dan menetap di Perak
- Pekerjaan : Menjawat jawatan Mufti Perak dan mendapat gelaran Syeikh.

### **ii. Sifat Peribadi**

- Seorang yang menepati masa sehingga tidak pernah terlewat menghadiri kelas
- Menyintai ilmu ( dirumahnya ada perpustakaan kecil ).
- Gigih dan bersungguh-sungguh menyebarkan idea Islam sekali pun ditentang.
- Seorang yang kreatif dan berminat untuk menghasilkan bahan ilmiah.
- Seorang pejuang yang memiliki semangat tinggi.

### **iii. Pendidikan**

- Pada usia 12 tahun belayar ke Mekah untuk mempelajari ilmu agama.
- 1873 belajar ilmu falak di Uni. Al-Azhar.

### **iv. Jawatan yang disandang**

- Pengajar di Masjid Al-Haram di Mekah.
- Guru di Madrasah Al-Masyhur Pulau Pinang.
- Guru di Madrasah Hj Taib Parit Jamil, Muar.
- Mufti Perak.
- Nazir sekolah negeri Johor.

### **v. Sumbangan**

- Majalah al-Iman
- Menubuhkan Madrasah al-Iqbal al-Islamiah di Riau, Madrasah al-Hadi di Melaka, Madrasah Al-Masyhur Pulau Pinang.

### **vi. Pemikiran Islam**

- Mengajak umat Islam beramalkan dengan Al-Quran dan al-sunnah.
- Menolak taklid buta.
- Menjauhkan pengaruh negatif dari barat.
- Menggalakkan mempelajari ilmu fardu ain dan fardu kifayah.

### **vii. Cara belau menyebarkan pemikiran dan idea.**

- Melalui majalah al-Imam.
- Melalui jawatan sebagai mufti.(ceramah dan syarahan).
- Melalui pengajaran sebagai guru.

**viii. Cabaran yang dihadapi**

- Kelantangan beliau dalam menyampaikan idea Islam ,memdapat tentangan ulama tradisional Malaysia.
- Ditentang oleh penjajah kerana membangkit semangat menentang penjajah.
- Dipenjarakan sembilan bulan atas tuduhan menentang Belanda.

**ix. Kesan peninggalan beliau.**

- Lahirnya tokoh-tokoh pendakwah seperti Hamka, Dr. Zulkifli Muhammad dan Hj Agus Salim.
- Kursus falak ditawarkan jabatan Syariah fakulti pengajian Islam di UKM.

**3. JAMALUDDIN AL-AFGHANI****i. Riwayat Hidup**

- Nama sebenar beliau ialah Sayyid Jamaluddin bin Safdar Al-Afghani
- Dilahirkan dalam pada tahun 1254 Hijrah / 1838 Masihi di As`ad Abad, Kabul Afghanistan.
- Digelar “As-Sayyid” kerana salsilah sebelah keturunan beliau bersambung dengan Saidina Ali dan Rasulullah. Keturunan beliau juga bersambung dengan Imam At-Tirmizi iaitu seorang ulamak hadis yang terkenal.
- Meninggal dunia pada 5 Syawal 1314H ketika berusia 60 tahun.

**ii. Sifat Peribadi**

- Berani memperjuangkan kebenaran
- Suka merantau untuk mengkaji kedudukan umat Islam dan menyebarkan idea Islam
- Tekun menguasai pelbagai ilmu & bahasa
- Sangat mencintai ilmu pengetahuan
- Mempunyai akal fikiran yang cerdas ,tajam dan berpandangan jauh.

**iii. Sumbangan Terhadap Tamadun Islam****1. Pemikiran Dan Gerakan Islam**

- penggerak utama dalam menentang penjajah
- pidato yang bernas telah dapat menaikkan semangat umat Islam anti penjajah

**2. Hasil Karya :**

- Al-A`mal al-Kamilah
- Ar-Rakdu `ala Ad-Dahriyyin
- Al-Khatirat

**3. Pengasas Beberapa Akhbar**

- Akhbar al-Urwatul Wusqa di Perancis
- Akhbar Misr di Mesir
- Akhbar At-Tijarah di Mesir

#### **iv. Idea Islah**

- Maksud : pemberian atau perubahan terancang ke arah yang lebih baik.
- Bentuk-bentuk Islah :
  - usaha untuk mengembalikan kecemerlangan umat Islam sebagaimana zaman Khulafa ar-Rasyidin
  - Untuk membina perpaduan tanpa mengira bangsa dan budaya melalui pertubuhan iaitu al-Jamiah al-Islamiyah
  - Umat Islam hendaklah melaksanakan ajaran Islam berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah
  - Menyeru umat Islam supaya kembali kepada ajaran Islam serta sesuai dilaksanakan sepanjang masa dan semua tempat
  - Menyedarkan umat Islam tentang keburukan fanatik kepada sesuatu mazhab hingga memecahbelahkan umat Islam
  - Umat Islam mesti menumpukan perhatian kepada usaha-usaha untuk memerdekaan tanah air dan pemikiran mereka daripada penjajahan

### **4. IBNU KHALDUN**

#### **i. Riwayat Hidup**

- Nama Sebenar Abdul Rahman bin Muhammad bin Muhammad
- Terkenal dengan panggilan Ibnu Khaldun
- Dilahirkan di Tunisia pada tahun 1332 Masihi/732 Hijrah
- Menyandang beberapa jawatan penting
- Sebagai setiausaha negara ;
- Anggota Majlis Ilmiah ;
- Anggota Jabatan Setiausaha Sulit Sultan ;
- Menjadi Perdana Menteri
- Dilantik sebagai Ketua Hakim Negara
- Meninggal dunia pada tahun 1406 Masihi/808 Hijrah di Kaherah ketika berusia 87 tahun

#### **ii. Sifat Peribadi**

- Tekun mencari ilmu
  - Ibnu Khaldun tekun mempelajari pelbagai ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah sejak kecil
  - Kesibukan beliau dengan tugas pentadbiran tidak menghalangnya menuntut ilmu
  - Beliau bijak membahagikan masa untuk masyarakat dan menuntut ilmu
- Berjiwa pemimpin
  - Ibnu Khaldun pernah menjadi pegawai tertinggi istana dan ketua hakim negara
  - Jawatan tersebut diserahkan berdasarkan kecekapan dalam pentadbiran serta keupayaan mengemukakan idea untuk kemajuan negara.
- Kreatif
  - Pemikiran Ibnu Khaldun dalam karyanya "Mukadimah Ibnu Khaldun" lahir hasil daripada pengalaman dan kreativiti beliau untuk mengetengahkan sejarah sebagai bidang ilmu yang tersendiri.

### iii. Sumbangan Terhadap Tamadun Islam

- Menghasil Kitab Al-Mukadimah
- Beliau berjaya menganalisis aspek kemasyarakatan, ekonomi, politik dan pendidikan dalam karyanya.
- Ibnu Khaldun telah memberi idea dan panduan terbaik kepada manusia tentang asas pembinaan sesebuah tamadun
- Ibnu Khaldun merupakan pelopor kepada pemikiran-pemikiran moden khususnya dalam bidang sejarah , politik, ekonomi, sosiologi dan pendidikan
- Pemikiran beliau sering dijadikan wacana, tema-tema seminar, bengkel dan persidangan ilmiah, serta judul-judul buku dan tesis diperingkat pengajian tinggi.